

17/01/2003

Rakyat Kelantan mahu pembaharuan, pembelaan

Kapten

LAWATAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, selama dua hari ke Kelantan berakhir, semalam, memberi tekanan hebat kepada Pas. Seperti biasa, penyokong Pas menyebarkan pelbagai tohmahan dan fitnah beberapa hari sebelum ketibaan Perdana Menteri.

Fitnah mengatakan ketibaan Perdana Menteri tidak akan mendapat sambutan.

Sebab itu semua kakitangan kerajaan dipaksa menghadirinya. Hakikatnya, lebih 20,000 rakyat memenuhi padang Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, biarpun hujan kira-kira sejam sebelum itu.

Ini sudah cukup membuktikan bahawa rakyat Kelantan mahukan Dr Mahathir dan Barisan Nasional (BN). Kehadiran Dr Mahathir juga dikaitkan sebagai usaha untuk menguji setakat mana sokongan rakyat terhadap beliau dan BN.

Kononnya, jika sokongan masih kuat, Perdana Menteri mungkin tidak jadi melepaskan jawatan seperti dijadualkan pada Oktober depan.

Disebarkan juga kononnya Dr Mahathir melawat Kelantan kerana ingin melihat kemiskinan rakyat Kelantan. Ia secara tidak langsung menimbulkan kemarahan rakyat Kelantan tidak menerima hakikat bahawa rakyat negeri itu

ramai penduduk miskin.

Tidak kurang juga mengatakan Dr Mahathir terpaksa melawat Kelantan untuk mengukuhkan Umno Kelantan yang dikatakan semakin lemah dan tidak mungkin dapat mengalahkan Pas.

Apapun, tohmahan dan fitnah dicipta oleh penyokong Pas, apa yang jelas Umno kini semakin yakin untuk menawan kembali Kelantan.

Umno memilih motto 'Perubahan Sudah Bermula' sebagai membakar semangat ahli parti dan menyedarkan rakyat terhadap kesungguhan Umno menjayakan kempen menumbangkan Pas.

Apa yang pasti rakyat Kelantan mahukan pembaharuan dan pembelaan. Oleh itu, janji Dr Mahathir bahawa Umno yang menerajui BN akan mengubah bentuk

pembangunan di Kelantan yang masih mundur melegakan rakyat negeri itu yang

ingin bebas daripada belenggu kemunduran dalam pemerintahan Pas.

Rakyat yang mahukan pembaharuan dan pembangunan meletakkan harapan tinggi kepada Umno untuk merampas kembali Kelantan daripada Pas.

Mereka sedar bahawa sudah cukup menjadi penonton kepada kejayaan dan kemakmuran di negeri lain yang diperintah oleh BN. Mereka juga ingin menikmati pembangunan pesat Malaysia yang diterajui BN.

KAPTEN,

Kota Bharu, Kelantan.